



## **ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH**

**(NEGERI PULAU PINANG) 1996**

**SUSUNAN SEKSYEN**

**BAHAGIAN 1**

**BAB 1**

### **PERMULAAN**

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Pemakaian.
3. Tafsiran.
4. Anggapan.

**BAB 1**

### **QARINAH**

5. Keterangan boleh diberi mengenai nyataan yang menjadi soal dan Qarinah.
6. Nyataan yang menjadi sebahagian utusan.
7. Nyataan yang menjadi punca, sebab atau natijah bagi nyataan yang menjadi soal.
8. Sebab, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau selepas.
9. Nyataan yang perlu, menghuraikan atau mengemukakan nyataan yang ada hubungan.
10. Apa-apa yang dikatakan atau dilakukan oleh seseorang yang berpaktat jahat berkenaan dengan rancangan bersama.
11. Bila nyataan boleh menjadi qarinah.
12. Dalam guaman menuntut gantirugi nyataan yang membolehkan Mahkamah menentukan kadar gantirugi adalah qarinah.
13. Qarinah apabila hak atau urf dipersoalkan.

14. Nyataan yang menunjukkan wujudnya keadaan fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh.
15. Nyataan berkenaan dengan soal sama ada perbuatan dilakukan dengan tidak sengaja atau dengan sengaja.
16. Bilakah wujudnya perjalanan urusan menjadi qarinah.

### **IQRAR**

17. Takrif Iqrar.
18. Syarat Iqrar.
19. Iqrar ketika marad al-maut.

### **KENYATAAN OLEH ORANG**

#### **YANG TIDAK BOLEH DIPANGGIL SEBAGAI SAKSI**

20. Hal-hal dalam mana kenyataan yang berkaitan oleh orang yang telah mati atau yang tidak dijumpai dan sebagainya adalah qarinah.
21. Perkaitan keterangan yang tertentu bagi membuktikan dalam perbicaraan yang terkemudian tentang kebenaran kenyataan yang disebut di dalamnya.

### **KENYATAAN YANG DIBUAT DALAM KEADAAN KHAS**

22. Bila catatan dalam buku kira-kira berkaitan.
23. Perkaitan catatan di dalam rekod awam pada menjalankan kewajipan.
24. Perkaitan kenyataan di dalam peta, carta dan pelan.
25. Perkaitan kenyataan tentang nyataan awam yang terkandung di dalam sesuatu Akta, Ordinan atau pemberitahu.

### **SEBANYAK MANA KENYATAAN DIKEHENDAKI DIBUKTIKAN**

27. Apa keterangan dikehendaki diberi apabila kenyataan ialah sebahagian daripada percakapan, suratan, buku atau siri surat atau kertas.

## **KEPUTUSAN MAHKAMAH KEADILAN BILA BERKAITAN**

28. Keputusan dahulu adalah berkaitan bagi menahan guaman atau perbicaraan yang kedua.
29. Perkaitan sesuatu keputusan dalam bidang kuasa pengesahan wasiat dan sebagainya.
30. Perkaitan dan natijah keputusan perintah atau dikri lain daripada yang tersebut di dalam seksyen 29.
31. Bila keputusan dan sebagainya selain daripada yang tersebut dalam seksyen 28 hingga 30 berkaitan.
32. Fraud atau pakatan bagi mendapatkan keputusan atau ketiadaan kelayakan Mahkamah boleh dibuktikan.

## **PENDAPAT ORANG LAIN BILA BERKAITAN**

33. Pendapat Pakar.
34. Nyataan mengenai pendapat pakar.
35. Bila pendapat tentang tulisan tangan berkaitan.
36. Bila pendapat tentang adanya hak atau urf berkaitan.
37. Bila pendapat tentang amalan dan kepercayaan dan sebagainya berkaitan.
38. Bila pendapat atas pertalian adalah qarinah.
39. Bila alasan pendapat berkaitan.

## **WATAK BILA BERKAITAN**

40. Dalam kes Mal, watak bagi membuktikan kelakuan yang ditohmahkan tidak berkaitan.
41. Dalam kes jenayah watak yang dahulunya baik adalah berkaitan.
42. Watak yang dahulunya tidak baik tidaklah berkaitan kecuali bagi menjawab.

## **BAHAGIAN 2**

## **MENGENAI BUKTI**

### **BAB 3**

#### **NYATAAN YANG TIDAK PERLU DIBUKTIKAN**

- 43. Nyataan yang diberi pengiktirafan kehakiman tidak perlu dibuktikan.
- 44. Nyataan yang Mahkamah mesti memberi pengiktirafan kehakiman.
- 45. Nyataan yang diakui tidak perlu dibuktikan.

### **BAB 4**

#### **KETERANGAN LISAN**

- 46. Membuktikan nyataan dengan keterangan lisan.
- 47. Keterangan lisan mestilah secara terus.

### **BAB 5**

#### **KETERANGAN SURATAN**

- 48. Membuktikan kandungan suratan.
- 49. Keterangan asal.
- 50. Keterangan tak asal.
- 51. Membuktikan suratan dengan keterangan asal.
- 52. Bila keterangan tak asal bagi suratan boleh diberi.
- 53. Kaedah tentang notis supaya mengemukakan.
- 54. Membuktikan tandatangan dan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menandatangi atau menulis suratan yang dikemukakan.
- 55. Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meteri.
- 56. Membuktikan suratan.

#### **SURATAN AWAM**

- 57. Suratan Awam.
- 58. Suratan sendirian.
- 59. Salinan yang diperakui bagi suratan awam.
- 60. Membuktikan suratan dengan mengemukakan salinan yang diperakui.
- 61. Bukti suratan resmi.

## **ANGGAPAN TENTANG SURATAN**

62. Anggapan tentang salinan yang diperakui.
63. Anggapan tentang suratan yang dikemukakan sebagai rekod keterangan.
64. Anggapan tentang warta, akhbar dan suratan lain.
65. Anggapan tentang peta atau pelan yang dibuat dengan kuasa Kerajaan.
66. Anggapan tentang undang-undang dan siaran keputusan.
67. Anggapan tentang surat kuasa wakil.
68. Anggapan tentang salinan yang diperakui bagi rekod kehakiman negara asing.
69. Anggapan tentang buku, peta dan rajah.
70. Anggapan tentang perutusan telegraf.
71. Anggapan tentang penyempurnaan dan sebagainya mengenai suratan yang tidak dikemukakan.

## **BAHAGIAN 3** **PENGEMUKAAN DAN NATIJAH KETERANGAN**

### **BAB 6** **BEBAN MEMBUKTI**

72. Beban memberi keterangan.
73. Beban membuktikan.
74. Atas siapakah beban membuktikan.
75. Beban membuktikaan nyataan tertentu.
76. Beban membuktikan nyataan yang dikehendaki supaya keterangan boleh diterima.
77. Beban membuktikan bahawa kes orang yang dituduh adalah termasuk di dalam kecualian.
78. Beban membuktikan nyataan yang diketahui secara khas.
79. Beban membuktikan kematian orang yang diketahui hidup dalam masa 30 tahun dahulunya.
80. Beban membuktikan masih hidup orang yang tiada apa-apa khabar telah didengar selama 4 tahun.
81. Beban membuktikan tentang keupayaan.
82. Mahkamah boleh menganggap sesuatu nyataan sebagai ada.

### **BAB 7**

## **SAKSI**

83. Siapa yang boleh memberi keterangan sebagai saksi.
84. Saksi bisu.
85. Keterangan suami, isteri, ibubapa dan anak sebagai saksi.
86. Bilangan saksi.
87. Cara memberi keterangan.
88. Keterangan seorang saksi dan sumpah.

## **BAB 8 PEMERIKSAAN SAKSI**

89. Bila saksi perlu diperiksa.
90. Jenis pemeriksaan.
91. Pemeriksaan rahsia.
92. Bilangan pemeriksa saksi.
93. Pemeriksaan terbuka.
94. Pemeriksaan terbuka adalah menjadi sebahagian dari keterangan.
95. Bila saksi tidak perlu diperiksa.
96. Penafian ke atas saksi.
97. Apabila pemeriksa saksi berbeda pendapat.
98. Saksi ghaib.
99. Bila saksi diminta bersumpah.

## **BAB 9 PERUNTUKAN AM**

100. Rujukan muktamad.
101. Pemberhentian pemakaian.

**NEGERI PULAU PINANG  
ENAKMEN BIL. 5 TAHUN 1997**

**DIPERKENANKAN**

**TUN DATO' SERI (DR.) HAJI HAMDAN BIN SHEIKH TAHIR**

***YANG DI PERTUA NEGERI***

Suatu Enakmen bagi mentakrifkan undang-undang keterangan untuk Mahkamah Syariah.

[12 Mac 1997]

MAKA INIILAH DIPERUNDANGKAN oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

**BAHAGIAN 1**

**KERELEVANAN**

**BAB 1**

**PERMULAAN**

- Tajuk ringkas 1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen keterangan Mahkamah Syariah dan mula Pulau Pinang 1996 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam WARTA.
- Pemakaian. 2. Enakmen ini hendaklah dipakai mengikut Hukum Syarak bagi segala perbicaraan Kehakiman di dalam atau di hadapan mana-mana Mahkamah syariah.
- Tafsiran. 3. Dalam Enakmen ini melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain; "baligh" ialah seorang yang cukup umur mengikut Hukum Syarak; "dibuktikan"; sesuatu nyataan adalah "dibuktikan" apabila setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah percaya nyataan itu wujud atau berpendapat wujudnya nyataan itu adalah sebegitu mungkin bahawa seseorang yang waras, dalam hal keadaan yang berkenaan itu seharusnya bertindak atas anggapan bahawa nyataan itu adalah wujud;
- "dibuktikan sebaliknya", sesuatu nyataan adalah dikatakan dibuktikan sebaliknya apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah percaya nyataan itu tidak wujud atau berpendapat tidak wujudnya nyataan itu adalah sebegitu mungkin bahawa seseorang yang waras dalam hal keadaan yang berkenaan itu seharusnya bertindak atas anggapan bahawa nyataan itu adalah tidak wujud;

"Hukum Syarak" ertinya Undang-Undang Islam dalam mana-mana Mazhab yang sah;

"Keterangan" adalah termasuk -

- (a) segala kenyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara nyataan yang disiasat.

Kenyataan-kenyataan itu adalah disebut keterangan lisan;

- (b) segala suratan yang dikemukakan untuk diperiksa oleh Mahkamah.

Suratan itu adalah disebut keterangan suratan.

"Mahkamah" ertinya Mahkamah yang ditubuhkan menurut Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang 1993.

"Nyataan" ertinya dan termasuklah -

- (a) sesuatu, keadaan sesuatu atau hubungan sesuatu yang boleh ddiketahui dengan pancaindera;
- (b) apa-apa keadaan fikiran yang disedari oleh seseorang;

### **MISALAN**

(a) Bahawa ada benda tertentu teratur mengikut suatu susunan tertentu dalam suatu tempat tertentu adalah suatu nyataan.

(b) Bahawa seseorang telah mendengar atau melihat sesuatu adalah suatu nyataan.

(c) Bahawa seseorang telah menyebut perkataan tertentu adalah suatu nyataan.

(d) Bahawa seseorang telah berpegang kepada suatu berpendapat tertentu, ada mempunyai suatu niat tertentu, berindak dengan sucihati atau dengan tipuan atau menggunakan sesuatu perkataan tertentu pengertian khusus, atau sedar pada suatu masa yang tertentu akan sesuatu perasaan khusus adalah suatu nyataan.

- (e) Bahawa seseorang yang mempunyai suatu nama baik tertentu adalah suatu nyataan.

"Nyataan yang menjadi soal" ertinya mana-mana nyataan dari mana dengan sendirinya atau berhubung dengan lain-lain nyataan, wujud atau tidak wujud, jenis atau luasnya apa-apa hak, atau tanggungan yang ditegaskan atau dinafikan dalam sesuatu guaman atau perbicaraan, semestinya ternyata;

**MISALAN**

A dituduh berkhawlwat dengan B.

Di dalam perbicaraannya, nyataan-nyataan yang berikut boleh menjadi soal.

Bahawa A berada berdua-duaan dengan B di dalam bilik tertutup.

Bahawa A berada berdua-duaan dengan B di dalam kenderaan yang berhenti yang terletak di tempat gelap.

"Qarinah" ertinya nyataan yang ada hubungan dengan nyataan yang lain dengan apa-apa cara yang disebutkan dalam Hukum syarak atau yang diuraikan dalam Enakmen ini;

"Suratan" ertinya apa-apa yang dinyatakan atau diterangkan atas apa-apa benda dengan cara menggunakan huruf, angka atau tanda atau sesuatu atau lebih dari sesuatu cara itu yang bertujuan digunakan atau yang mungkin digunakan untuk merekodkan hal itu;

**MISALAN**

Tulisan ialah suratan.

Perkataan yang dicetak, dilitograf atau difotograf ialah suratan.

Peta atau pelan ialah suratan.

Ukiran atas logam atau batu atau kayu ialah suratan.

"tidak dibuktikan"; sesuatu nyataan adalah dikatakan "tidak dibuktikan" apabila nyataan itu tidak "dibuktikan" atau tidak "dibuktikan sebaliknya" mengikut Enakmen ini.

Anggapan.

4. (1) Apabila diperuntukan oleh Enakmen ini bahawa Mahkamah boleh menganggap suatu nyataan sebagai wujud, Mahkamah boleh mensifatkan nyataan itu sebagai dibuktikan melainkan dan sehingga ia dibuktikan sebaliknya, atau boleh meminta buktinya.

(2) Apabila diarahkan oleh Enakmen ini bahawa Mahkamah hendaklah menganggap sesuatu nyataan sebagai wujud Mahkamah hendaklah mensifatkan nyataan itu sebagai dibuktikan melainkan dan sehingga ia dibuktikan sebaliknya.

## BAB 11

### QARINAH

Keterangan boleh diberi mengenai kenyataan yang menjadi soal dan Qarinah.

5. Keterangan boleh diberi dalam mana-mana guaman atau perbicaraan mengenai wujud atau tidak wujudnya tiap-tiap nyataan yang menjadi soal dan mengenai nyataan lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai qarinah dan tidak mengenai mana-mana nyataan lain.

Huraian - Seksyen ini tidak membolehkan sesiapa memberi keterangan mengenai sesuatu nyataan yang ia tidak berhak membuktikan menurut undang-undang berhubung dengan acara mal.

### MISALAN

A dituduh memukul B isterinya dengan tongkat dengan niat hendak menyiksanya.

Dalam perbicaraan A nyataan yang berikut adalah menjadi soal:

A memukul B dengan tongkat itu.

A menyakiti B dengan pukulan itu dengan niat hendak menyiksa B.

6. Walaupun nyataan tidak menjadi soal tetapi jika ia mempunyai hubungan dengan suatu nyataan yang menjadi soal hingga menjadi sebahagian daripada urusan itu juga maka nyataan itu adalah qarinah.

### MISALAN

A dituduh memukul isterinya B.

Apa-apa yang diperkatakan atau dibuat oleh A atau B atau orang yang berhampiran pada masa B dipukul itu atau sejurus sebelum atau kemudian daripadanya adalah menjadi qarinah sebagai sebahagian urusan.

7. Nyataan yang menjadi punca, sebab atau natijah, sama ada secara langsung atau tidak, bagi nyataan yang ada hubungan atau yang menjadi soal, atau nyataan yang menjadi keadaan sesuatu dalam mana nyataan itu berlaku, atau yang memberi peluang untuk nyataan itu dilaku atau diuruskan, adalah qarinah.

Nyataan yang menjadi punca, sebab atau natijah bagi nyataan yang menjadi soal.

Sebab,  
persediaan dan  
kelakuan yang  
dahulu atau  
selepas

8. (1) Sesuatu nyataan yang menunjuk atau menjadikan sesuatu sebab atau persediaan bagi sesuatu nyataan yang menjadi soal atau nyataan yang ada hubungan adalah qarinah.

(2) Kelakuan sesuatu pihak atau kelakuan seseorang wakil bagi mana-mana pihak dalam sesuatu guaman atau perbicaraan berkenaan dengan guaman atau perbicaraan itu atau berkenaan dengan sesuatu nyataan yang menjadi soal dalamnya atau yang ada hubungan dengannya, dan kelakuan seseorang yang kesalahan terhadapnya menjadi perkara perbicaraan, adalah qarinah jika kelakuan itu mempengaruhi atau dipengaruhi oleh sesuatu nyataan yang menjadi soal atau nyataan yang ada hubungan dan sama ada kelakuan itu berlaku dahulu atau selepasnya.

Huraian 1 - Perkataan "kelakuan" dalam seksyen ini tidak termasuk kenyataan melainkan jika kenyataan itu menyertai dan menghuraikan perbuatan lain daripada kenyataan tetapi huraian ini tidak akan menyentuh perkaitan kenyataan di bawah mana-mana seksyen lain dalam Enakmen ini.

Huraian 2 - Apabila kelakuan seseorang ada hubungan apa-apa kenyataan yang dibuat kepadanya atau di hadapan dan dalam pendengarannya yang menyentuh kelakuannya itu adalah qarinah.

#### MISALAN

(A) Soalnya ialah sama ada sesuatu suratan adalah wasiat A.

Nyataan bahawa tidak lama sebelum tarikh wasiat yang dikatakan itu, A telah menyiasat berkenaan dengan perkara yang tersebut dalam wasiat itu, bahawa ia telaah berunding dengan peguam berkenaan dengan hal membuat wasiat itu, dan bahawa ia telah mengarahkan deraf bagi wasiat lain disediakan yang mana ia tidak mempersetujui adalah qarinah.

(b) Soalnya ialah sama ada A telah melakukan sesuatu jenayah.

Nyataan bahawa A telah melarikan diri selepas menerima sepucuk surat yang memberi amaran kepadanya bahawa siasatan sedang dijalankan bagi mencari penjenayah itu dan kandungan surat itu adalah qarinah.

(c) A dituduh melakukan sesuatu jenayah.

Nyataan bahawa selepas dilakukan jenayah itu dia melarikan diri, atau telah mencuba menyembunyikan benda yang telah atau mungkin telah digunakan dalam melakukan jenayah itu adalah qarinah.

- Nyataan yang perlu menghuraikan atau mengemukakan nyataan yang ada hubungan.
9. Nyataan yang perlu untuk menghuraikan atau mengemukakan sesuatu yang menjadi soal atau nyataan yang ada hubungan, atau yang menyokong atau mematahkan sesuatu fahaman yang dibayangkan oleh sesuatu nyataan yang menjadi soal atau nyataan yang ada hubungan atau yang menentukan pengenalan sesuatu atau seseorang yang pengenalannya ada hubungan atau yang menetapkan masa atau tempat di mana sesuatu nyataan yang menjadi soal atau nyataan yang ada hubungan telah berlaku, atau yang menunjukkan hubungan pihak yang olehnya sesuatu nyataan itu perlu bagi maksud itu.

### MISALAN

- (a) Soalnya ialah sama ada sesuatu suratan tertentu adalah wasiat A. Keadaan harta A dan keadaan keluarganya pada tarikh wasiat itu boleh menjadi qarinah.

(b) A dituduh melakukan sesuatu jenayah.

Nyataan bahawa tidak lama selepas sahaja jenayah itu dilakukan, A telah mlarikan diri dari rumahnya adalah qarinah di bawah seksyen 8 sebagai kelakuan kemudian yang melibatkan nyataan yang menjadi soal.

Nyataan bahawa pada waktu ia meninggalkan rumahnya itu ia ada mempunyai urusan yang tiba-tiba dan segera di tempat ia pergi itu adalah qarinah sebagai mungkin menghuraikan nyataan bahawa ia telah meninggalkan rumahnya dengan tiba-tiba.

10. Jika ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dua orang atau lebih telah berpaktat bersama hendak melakukan suatu kesalahan atau suatu perbuatan salah yang boleh diambil tindakan, maka apa-apa juga yang dikatakan, dilakukan atau ditulis oleh seseorang daripada mereka berkenaan dengan niat bersama mereka selepas masa bila niat itu mula-mula timbul daripada seseorang daripada mereka, adalah qarinah terhadap tiap-tiap seorang yang dipercayai berpaktat sedemikian, serta juga bagi maksud menunjukkan bahawa mana-mana orang itu telah menjadi satu pihak dalamnya.

11. Nyataan boleh menjadi qarinah;

- (a) jika ianya tidak sesuai dengan sesuatu nyataan yang menjadi soal atau yang ada hubungan.
- (b) jika dengan sendirinya atau berhubung dengan nyataan lain, ianya menyebabkan kemungkinan wujudnya atau tidak wujudnya sesuatu nyataan yang menjadi soal atau yang ada hubungan.

### MISALAN

- (a) Soalnya ialah sama ada A telah melakukan suatu jenayah di Kuala Lumpur pada suatu hari tertentu.

Nyataan bahawa pada hari itu A berada di Perlis adalah qarinah.

Nyataan bahawa pada waktu yang hampir jenayah itu dilakukan, A berada di tempat jauh dari tempat jenayah itu dilakukan, yang mana menjadikan tidak mungkin sekali, walaupun tidak mustahil, bahawa ia telah melakukannya adalah qarinah.

(b) Soalnya ialah sama ada A telah melakukan sesuatu jenayah.

Hal keadaannya adalah sedemikian bahawa jenayah itu tentu sekali telah diakukan oleh salah seorang dari A, B, C dan D. Tiap-tiap nyataan yang menunjukkan bahawa jenayah itu tidak boleh dilakukan oleh sesiapa lain dan bahawa ia tidak dilakukan oleh sama ada B, C atau D adalah qarinah.

12. Dalam guaman menuntut gantirugi, apa-apa nyataan yang membolehkan Mahkamah menentukan kadar gantirugi yang patut diberi adalah qarinah.

Dalam guaman menuntut gantirugi nyataan yang membolehkan Mahkamah menentukan kadar gantirugi adalah qarinah.

Qarinah apabila hak atau Urf dipersoalkan.

Nyataan yang menunjukkan wujudnya keadaan fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh.

13. Jika soalnya ialah tentang wujudnya sesuatu hak atau Urf maka nyataan yang berikut adalah qarinah -

(a) Apa-apapun urusan dengannya hak atau Urf yang berkenaan itu telah diwujudkan, dituntut, diubahsuai, diiktiraf, ditegaskan atau dinafikan atau yang tidak bersetujuan dengan adanya hak atau Urf itu;

(b) Hal-hal tertentu dalam mana hak atau Urf itu telah dituntut, diiktiraf atau digunakan atau dalam mana penggunaan hak atau Urf itu telah dipertikaikan, ditegaskan atau diselewengkan.

14. Nyataan yang menunjukkan wujudnya sesuatu keadaan fikiran, seperti niat, pengetahuan, sucihati, kecuaian, kegopohan, niat jahat, atau niat baik terhadap seseorang tertentu, atau menunjukkan wujudnya sesuatu keadaan tubuh badan atau perasaan tubuh, adalah qarinah apabila wujudnya sesuatu keadaan fikiran atau tubuh atau perasaan tubuh itu menjadi soal atau ada hubungan

Huraian 1 - Sesuatu nyataan yang berhubung sebagai menunjukkan wujudnya suatu keadaan fikiran yang berkaitan mestilah menunjukkan bahawa keadaan fikiran itu wujud bukan pada amnya tetapi berhubung dengan perkara tertentu yang berkenaan itu.

Huraian 2 - Tetapi jika dalam pembicaraan seseorang yang dituduh atas sesuatu kesalahan, suatu kesalahan yang dilakukan dahulu oleh orang yang dituduh itu menjadi qarinah dalam erti seksyen ini, maka sabitan dahulu orang itu hendaklah juga menjadi suatu qarinah.

### MISALAN

(a) Soalnya ialah sama ada telah melakukan keaniayaan terhadap isterinya B.

	<p>Perasaan mereka terhadap satu sama lain yang dizahirkan tidak beberapa laa sebelum atau selepas keaniayaan yang dikatakan itu adalah qarinah.</p> <p>(b) A dibicarakan kerana sesuatu jenayah.</p> <p>Nyataan bahawa ia telah berkata sesuatu menunjukkan niat hendak melakukan jenayah tertentu itu adalah qarinah.</p> <p>Nyataan bahawa ia telah berkata sesuatu yang menunjukkan kecenderungan am hendak melakukan jenayah jenis itu bukan qarinah.</p> <p>15. Apabila ada soal sama ada sesuatu perbuatan telah dilakukan dengan tidak sengaja atau dengan sengaja atau dilakukan dengan sesuatu pengetahuan atau niat yang khusus, maka nyataan bahawa perbuatan itu adalah satu daripada siri kejadian seumpamanya dalam tiap-tiap satunya orang yang melakukan perbuatan itu ada terlibat adalah qarinah.</p>
Nyataan berkenaan dengan soal sama ada perbuatan dilakukan dengan tidak sengaja atau dengan sengaja.	<p><b><u>MISALAN</u></b></p> <p>A telah ditugaskan menerima fitrah sebagai amil dari orangramai. Adalah menjadi kewajipan A membuat catatan di dalam sebuah buku bagi menunjukkan banyaknya wang yang telah diterimanya. Ia membuat suatu catatan menunjukkan bahawa suatu masa tertentu ia telah menerima kurang daripada yang sebenar diterima olehnya.</p> <p>Soalnya ialah sama ada catatan palsu ini telah dibuat dengan tidak sengaja atau sengaja. Nyataan bahawa catatan lain yang dibuat oleh A dalam buku yang sama adalah palsu dan dalam tiap-tiap kes adalah menguntungkannya adalah qarinah.</p> <p>16. Apabila ada soal sama ada suatu perbuatan tertentu telah dilakukan, wujudnya apa-apa perjalanan berkaitan dengan urusan yang menurutnya perbuatan itu mungkin telah dilakukan, adalah suatu qarinah.</p>
Bilakah wujudnya perjalanan urusan menjadi qarinah.	

	<p><b><u>MISALAN</u></b></p> <p>(a) Soalnya ialah sama ada suatu surat tertentu telah dikirimkan.</p> <p>Nyataan bahawa telah menjadi perjalanan urusan biasa bagi segala surat diletakkan di suatu tempat di bawah ke pejabat pos, adalah qarinah.</p> <p>(b) Soalnya ialah sama ada suatu surat tertentu telah sampai kepada A.</p> <p>Nyataan bahawa ia telah diposkan dalam masa yang sepatutnya dan telah tidak dikembalikan melalui Bahagian Surat Kiriman Mati adalah qarinah.</p>
--	---

Takrif Iqrar.	<p><b><u>IQRAR</u></b></p> <p>17. (1) Iqrar ialah kenyataan seseorang tentang sesuatu hak orang lain ke atasnya yang dibuat secara lisan, tulisan atau isyarat dan yang dibuat oleh mana-mana orang dan di dalam mana-mana keadaan yang disebutkan kemudian.</p>
---------------	--

(2) Iqrar yang dibuat di luar Mahkamah hanya boleh diterima jika dibuat di hadapan dua orang saksi adil.

(3) Iqrar wakil dalam perbicaraan bagi pihak orang yang memberi wakil yang dibuat di hadapan hakim adalah layak diterima.

Syarat Iqrar.

18. (1) Pembuat Iqrar hendaklah seorang yang akil baligh.

(2) Kecuali diperuntukan sebaliknya Iqrar berikut adalah tidak layak diterima -

(a) Iqrar seorang kanak-kanak

(b) Iqrar seorang gila dan seorang yang terencat akal (ma'tuh)

(c) Iqrar wali atau wasi bagi orang jagaan atau tanggungan mereka.

(3) Iqrar seorang kanak-kanak Mumaiyiz yang telah diberi kebenaran oleh wali atau penjaganya untuk menjalankan perniagaan dan urusan dengan orangramai hendaklah dianggap sebagai Iqrar seorang dewasa untuk maksud seksyen ini dan Iqrar itu hendaklah diterima sebagai sah.

Huraian - Iqrar oleh kanak-kanak tersebut yang telah diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan dan berurusan dengan orangramai hendaklah dianggap seorang dewasa dalam hal berkaitan dengan perniagaan dan urusan seperti hutang, amanah, 'ariyah, mudharabah, ghash dan sebagainya, akan tetapi tidak diterima di dalam urusan seperti mahr, jinayat (kesalahan yang boleh didenda) dan kifalah (keselamatan).

(4) Pihak yang mendapat faedah dari Iqrar tidaklah disyaratkan seorang yang akil dan baligh.

Huraian - Jika seseorang pembuat Iqrar berkata sesuatu benda atau harta itu adalah bagi faedah seseorang kanak-kanak kecil yang belum mumaiyiz. Iqrarnya itu adalah layak diterima dan pembuat Iqrar itu adalah terikat dengan iqrarnya.

(5) Sesuatu Iqrar hendaklah dibuat dengan rela hati tanpa paksaan.

(6) Pembuat Iqrar hendaklah terdiri dari orang yang tidak ditahan dari menguruskan hartanya (Mahjur 'alaih).

(7) Iqrar yang dibuat dalam keadaan mabuk tidak boleh diterima dalam kes-kes yang boleh dikenakan hukuman hudud.

Iqrar ketika marad al-maut.

19. Iqrar seseorang yang berada dalam keadaan marad al-maut mengenai hak orang lain ke atasnya bolehlah diterima mengikut Hukum Syarak.

KENYATAAN OLEH ORANG-ORANG

YANG TIDAK BOLEH DIPANGGIL

SEBAGAI SAKSI

Hal-hal dalam mana kenyataan yang berkaitan oleh orang yang telah mati atau yang tidak dijumpai, dsb. adalah qarinah.

20. (1) Kenyataan bertulis, atau lisan, mengenai nyataan yang berkaitan yang dibuat oleh seorang yang telah mati atau yang telah tidak dapat dijumpai atau yang telah menjadi tidak berdaya memberi keterangan atau yang kehadirannya tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat Mahkamah tidak berpatutan, memandang kepada keadaan hal itu adalah sendirinya qarinah dalam hal-hal berikut -

(a) apabila kenyataan itu dibuat oleh seseorang tentang sebab kematiannya atau tentang apa-apa juga hal kejadian yang telah menyebabkan kematiannya, jika sebab kematian orang itu dipersoalkan.

Sesuatu kenyataan tersebut adalah berkaitan sama ada orang yang membuatnya pada waktu kenyataan itu dibuat telah menjangkakan atau tidak menjangkakan ia akan mati, dan walau apa juga jenis perbicaraan dalam mana sebab kematiannya adalah dipersoalkan;

(b) apabila kenyataan itu telah dibuat oleh orang itu dalam perjalanan biasa urusan, dan khususnya apabila kenyataan itu mengandungi sesuatu catatan atau peringatan yang telah dibuat olehnya dalam buku yang diselenggarakan dalam perjalanan biasa urusan atau pada menjalankan kewajipan profesional; atau mengandungi akuan terima yang ditulis atau ditandatangani olehnya mengenai wang, barang cagaran atau harta dari apa-apa jenis atau mengandungi sesuatu suratan yang digunakan di dalam perniagaan, yang ditulis atau ditandatangani olehnya, atau mengandungi tarikh bagi sesuatu surat atau lain-lain suratan yang biasanya diberikan tarikh, ditulis atau ditandatangani olehnya;

(c) apabila kenyataan itu menentang kepentingan kewangan atau kepentingan hak kepunyaan orang yang membuatnya, atau apabila jika benar kenyataan itu akan mendedahkan atau tentu telah mendedahkan orang itu kepada suatu jenayah atau kepada suatu guaman kerana gantirugi;

(d) apabila kenyataan itu memberi pendapat seseorang yang tertentu itu tentang wujudnya sesuatu hak awam atau Urf atau sesuatu perkara yang mempunyai kepentingan am dan tentang wujudnya itu, di mana jika ia wujud orang itu mungkin telah sedar, dan apabila kenyataan itu dibuat sebelum timbul apa-apa perbalahan tentang hak, urf atau perkara itu;

(e) apabila kenyataan itu berhubung dengan wujud sesuatu pertalian darah, pertalian perkahwinan atau pertalian anak susuan antara orang-orang di mana orang-orang yang membuat kenyataan itu ada jalan yang istimewa bagi mengetahui pertalian tersebut apabila kenyataan itu dibuat sebelum soal yang menjadi pertikaian itu berbangkit;

(f) apabila kenyataan itu berhubung dengan wujudnya pertalian darah, pertalian perkahwinan atau pertalian susuan antara orang yang mati dan kenyataan itu dibuat dalam apa-apa wasiat atau surat ikatan berhubung dengan hal ehwal keluarga mana-mana orang yang telah mati itu, atau dalam sesuatu salsilah keluarga atau di atas sesuatu batu nisan, potret keluarga atau lain-lain benda di mana kenyataan itu biasanya dibuat, dan apabila kenyataan itu dibuat sebelum soal yang menjadi pertikaian itu berbangkit;

(g) apabila kenyataan itu terkandung dalam sesuatu surat ikatan atau lain-lain suratan yang berhubung dengan apa-apa urusan seperti tersebut dalam seksyen 13(a);

(h) apabila kenyataan itu telah dibuat oleh beberapa orang dan menyatakan perasaan atau sangkaan mereka berkaitan dengan perkara yang berkenaan itu.

#### MISALAN

(a) Soalnya ialah tentang tarikh A dilahirkan.

Suatu catatan dalam buku harian seorang doktor yang telah mati, iaitu buku harian yang lazim diselenggarakan dalam perjalanan urusan, menyatakan bahawa pada suatu hari tertentu ia telah merawat ibu A melahirkan seorang anak lelaki, adalah qarinah.

(b) Soalnya ialah sama ada A berada di Kuala Lumpur pada suatu hari tertentu.

Suatu kenyataan dalam buku harian seorang peguam yang telah mati, iaitu buku harian yang lazim diselenggarakan dalam perjalanan urusan, menyatakan bahawa pada suatu hari tertentu peguam itu telah ada bersama A pada suatu tempat yang disebutkan di Kuala Lumpur bagi maksud berbincang dengannya mengenai urusan yang tertentu adalah qarinah.

(c) Soalnya ialah sama ada A dan B telah berkahwin dengan sah di sisi undang-undang.

Kenyataan seorang Kadi yang telah meninggal dunia bahawa ia telah mengahwinkan mereka dalam hal keadaan yang boleh menjadikan upacara itu tidak sah adalah qarinah.

- (d) Soalnya ialah sama ada A seorang yang tidak dapat dijumpai telah menulis suatu surat pada suatu hari tertentu.

Nyataan bahawa suatu surat yang ditulis olehnya bertarikh pada hari itu adalah qarinah.

- (e) Soalnya ialah sama ada A, yang telah mati adalah bapa B.

Suatu kenyataan oleh A bahawa B adalah anaknya adalah qarinah.

- (f) Soalnya ialah, bilakkah A dilahirkan.

Suatu surat daripada bapa A kepada seorang sahabatnya memberitahu kelahiran A pada suatu hari tertentu, adalah qarinah.

- (g) Soalnya ialah sama ada dan bilakah A dan B berkahwin.

Suatu catatan dalam sebuah buku peringatan oleh C, iaitu bapa B yang telah mati, berkenaan dengan perkahwinan anaknya dengan A pada suatu tarikh tertentu adalah qarinah.

- (2) Keterangan mengenai kenyataan itu tidak boleh diterima di dalam kes hudud dan qisas.

- (3) Keterangan mengenai kenyataan itu hendaklah diberi oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan.

- (4) Keterangan mengenai kenyataan itu tidak boleh diterima di dalam kes-kes berikut:

- (a) apabila orang yang membuat kenyataan itu melarang kenyataan itu diberi sebagai keterangan.

Perkaitan keterangan yang tertentu bagi membuktikan dalam pembicaraan yang terkemudian tentang kebenaran nyataan yang tersebut di dalamnya.

(b) apabila orang yang membuat kenyataan itu hilang kelayakannya untuk memberi keterangan.

(c) apabila orang yang membuat kenyataan itu enggan memberi keterangan dengan alasan dia tidak ada keterangan hendak diberikan berkaitan dengan hal yang dipertikaikan atau dia tidak membuat kenyataan itu atau dia telah membuat kesilapan berhubung dengan kenyataannya.

21. Keterangan yang diberi oleh seseorang saksi dalam suatu perbicaraan kehakiman, di hadapan seseorang yang dibenarkan oleh undang-undang mengambil keterangan itu adalah berkaitan dalam suatu perbicaraan kehakiman yang kemudian atau pada suatu peringkat yang terkemudian dalam perbicaraan kehakiman itu juga bagi maksud membuktikan kebenaran nyataan yang dinyatakan olehnya, apabila saksi itu telah mati atau tidak dapat dijumpai atau tidak berdaya memberi keterangan atau dihalang memberi keterangan oleh pihak lawannya, ataupun kehadirannya tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang, pada pandapat Mahkamah, tidak berpatutan, memandang kepada keadaan hal itu,

Dengan Syarat -

(a) bahawa perbicaraan itu adalah di antara pihak yang berkenaan itu juga atau wakilnya yang ada kepentingan;

(b) bahawa pihak lawan di dalam perbicaraan yang pertama itu telah berhak dan berpeluang untuk memeriksa balas;

(c) bahawa masalah yang menjadi soal itu adalah pada isinya sama di dalam pembicaraan yang pertama dengan yang kedua itu.

Huraian - Sesuatu pembicaraan atau siasatan jenayah hendaklah disifatkan sebagai satu perbicaraan di antara pendakwa dengan orang yang dituduh dalam erti seksyen ini.

## KENYATAAN YANG DIBUAT DALAM KEADAAN KHAS

22. Catatan dalam buku kira-kira yang biasanya diselenggarakan dalam perjalanan berkaitan dengan urusan adalah berkaitan apabila catatan itu berkenaan dengan perkara yang kena siasat oleh Mhkamah, akan tetapi catatan itu sahaja tidaklah menjadi keterangan yang cukup bagi mengenakan apa-apa tanggungan atas seseorang.
23. Sesuatu catatan di dalam mana-mana daftar, rekod atau lain-lain buku awam atau rasmi yang menyatakan sesuatu nyataan yang menjadi soal atau nyataan berkaitan yang dibuat oleh seseorang penjawat awam pada menjalankan tugas kewajipan rasminya atau oleh mana-mana orang lain pada menjalankan sesuatu kewajipan yang disuruh dengan khasnya oleh undang-undang bagi negara di mana daftar, rekod atau buku itu diselenggarakan, adalah sendirinya suatu nyataan berkaitan.
24. Kenyataan mengenai nyataan yang menjadi soal atau nyataan yang berkaitan yang berkaitan yang dibuat di dalam peta atau carta yang disiarkan pada amnya ditawarkan untuk dijual kepada awam, atau di dalam peta atau di dalam pelan yang dibuat dengan kuasa kerajaan mengenai perkara pada biasanya ditunjuk atau dinyatakan di dalam peta, carta, atau pelan itu adalah sendirinya nyataan yang berkaitan.
- Perkaitan kenyataan tentang nyataan awam yang terkandung di dalam sesuatu Akta, Ordinan atau pemberitahu.
25. Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang adanya sesuatu nyataan mengenai perkara awam, apa-apa kenyataan mengenai nyataan itu yang dibuat di dalam sesuatu sebutan permulaan yang terkandung di dalam sesuatu Akta, Ordinan atau Enakmen, atau di dalam pemberitahu Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri yang tersiar di dalam Warta Kerajaan Persekutuan atau Negeri, adalah nyataan berkaitan.

Perkaitan nyataan tentang mana-mana undang-undang yang terkandung di dalam buku undang-undang.

26. Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang sesuatu undang-undang bagi sesebuah negara apa-apa kenyataan mengenai undang-undang itu yang ada terkandung di dalam sesebuah buku yang dicetak atau diterbitkan dengan kuasa kerajaan negara itu, dan sebagai mengandungi apa-apa undang-undang itu dan apa-apa laporan mengenai sesuatu keputusan Mahkamah negara itu yang ada terkandung di dalam sesebuah buku yang berupa laporan mengenai keputusan itu, adalah berkaitan.

#### **SEBANYAK MANA KENYATAAN DIKEHENDAKI DIBUKTIKAN**

Apa keterangan dikehendaki diberi apabila kenyataan ialah sebahagian daripada percakapan, suratan, buku atau siri surat atau kertas.

27. Apabila sesuatu kenyataan yang keterangan mengenainya ada diberi ialah sebahagian daripada suatu kenyataan yang lebih panjang atau sebahagian daripada suatu percakapan, atau sebahagian daripada suatu suratan yang terasing atau ada terkandung dalam suratan yang menjadi sebahagian daripada sebuah buku atau sebahagian daripada siri surat atau kertas yang berhubung, maka keterangan hendaklah diberi mengenai hanya sekian banyak sahaja daripada kenyataan, percakapan, suratan, buku atau siri surat atau kertas itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Mahkamah dalam kes berkenaan itu untuk memahami dengan sepenuhnya tentang jenis dan natijah kenyataan itu dan juga tentang keadaan dalam mana kenyataan itu telah dibuat.

#### **KEPUTUSAN MAHKAMAH KEADILAN BILA BERKAITAN**

Keputusan dahulu adalah berkaitan bagi menahan guaman atau perbicaraan yang kedua.

Perkaitan sesuatu keputusan dalam bidangkuasa pengesahan wasiat dan sebagainya.

28. Adanya sesuatu keputusan, perintah atau dikri yang pada sisi undang-undang menahan mana-mana Mahkamah daripada mengambil ketahui tentang sesuatu guaman atau daripada mengadakan sesuatu perbicaraan adalah suatu nyataan yang berkaitan apabila soalnya ialah sama ada Mahkamah itu patut mengambil ketahui tentang guaman itu ataupun patut mengadakan perbicaraan itu.

29. (1) Sesuatu keputusan, perintah atau dikri yang muktamad daripada Mahkamah yang layak menjalankan bidang kuasanya berkenaan dengan warisan, wasiat, atau hal ehwal perkahwinan, yang memberi keada atau melucutkan daripada seseorang sesuatu taraf di sisi undang-undang atau yang menetapkan seseorang berhak kepada taraf itu, atau berhak kepada sesuatu benda adalah berkaitan apabila adanya taraf di sisi undang-undang itu atau adanya hak seseorang kepada sesuatunya itu adalah berkaitan.

(2) Keputusan, perintah atau dikri itu adalah bukti muktamad.

(a) bahawa sesuatu taraf di sisi undang-undang yang diberinya berada pada waktu keputusan, perintah atau dikri itu mula berkuatkuasa;

(b) bahawa sesuatu taraf di sisi undang-undang yang seseorang ditetapkannya sebagai berhak berada bagi orang itu pada waktu ianya ditetapkan berada bagi orang itu oleh keputusan, perintah atau dikri itu;

(c) bahawa sesuatu taraf di sisi undang-undang yang dilucutkannya daripada seseorang terhenti pada waktu ianya ditetapkan telah terhenti atau akan tetapkan terhenti oleh keputusan, perintah atau dikri itu; dan

(d) bahawa sesuatu yang seseorang ditetapkan sebagai berhak adalah harta orang itu pada waktu ianya ditetapkan telah menjadi atau akan tetap menjadi harta orang itu oleh keputusan, perintah atau dikri itu.

Perkaitan dan natijah keputusan, perintah atau dikri lain daripada yang tersebut dalam seksyen 29.	30. Keputusan, perintah atau dikri yang lain daripada yang tersebut dalam seksyen 29 Enakmen ini adalah berkaitan jika ianya berkenaan dengan perkara awam yang berkaitan dengan sesuatu siasatan, akan tetapi keputusan, perintah atau dikri itu tidaklah bukti muktamad mengenai apa yang dinyatakannya itu.
Bila keputusan dan sebagainya lain daripada yang tersebut dalam seksyen 28 hingga 30 berkaitan.	31. Keputusan, perintah atau dikri yang lain, daripada yang tersebut dalam seksyen 28, 29 dan 30 Enakmen ini tidaklah berkaitan melainkan jika adanya keputusan, perintah atau dikri itu adalah suatu nyataan yang menjadi soal atau berkaitan menurut peruntukan lain dalam Enakmen ini.
Fraud atau pakatan bagi mendapatkan keputusan atau ketidaan kelayakan Mahkamah boleh dibuktikan.	32. Mana-mana pihak dalam sesuatu guaman atau lain-lain pembicaraan boleh menunjukkan bahawa sesuatu keputusan, perintah atau dikri yang berkaitan di bawah seksyen 28, 29 dan 30 dalam Akta ini dan yang telah dibuktikan oleh pihak lawan, telah dibuat oleh Mahkamah yang tidak layak membuatnya ataupun telah didapati dengan fraud atau pakatan.

#### PENDAPAT ORANG LAIN BILA BERKAITAN

- Pendapat Pakar.
- 33. (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cap jari atau tentang bentuk menentukan nasab, maka pendapat atas perkara itu dari pakar dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cap jari atau tentang bentuk menentukan nasab adalah carinah.
  - (2) Orang yang seumpama itu adalah dinamakan pakar.
  - (3) Seboleh-bolehnya dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika pendapat dua orang pakar bertentangan maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan.

## MISALAN

- (a) Soalnya ialah sama ada sesuatu suratan telah ditulis oleh A, suatu suratan lain yang dibuktikan atau diakui telah ditulis oleh A adalah dikemukakan.

Pendapat pakar atas soal sama ada kedua-dua suratan itu telah ditulis oleh satu orang sahaja atau oleh berlainan orang adalah qarinah.

Nyataan mengenai pendapat pakar.	34. Nyataan yang tidak berkaitan dengan jalan lain adalah berkaitan jika ianya menyokong atau tidak bersesuaian dengan pendapat pakar bila pendapat itu adalah berkaitan.
Bila pendapat tentang tulisan tangan berkaitan.	35. Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang siapakah orang yang telah menulis atau menandatangani sesuatu suratan, maka pendapat seseorang yang biasa dengan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menulis atau menandatangani suratan itu, bahawa suratan itu telah ditulis atau tidak ditulis atau ditandatangani oleh orang itu, adalah suatu nyataan yang berkaitan.

Huraian - Seseorang adalah dikatakan biasa dengan tulisan tangan seseorang lain apabila ia telah melihat orang itu menulis, atau apabila ia telah menerima suratan yang ditulis oleh orang itu bagi menjawab surataan yang telah ditulis sama ada olehnya sendiri atau dengan kuasanya, dialamatkan kepada orang itu, atau apabila dalam perjalanan urusan biasanya suratan yang ditulis oleh orang itu lazimnya dihantar kepadanya.

## MISALAN

Soalnya sama ada suatu yang tertentu adalah dengan tulisan tangan A seorang suami kepada isterinya. Keterangan diberi oleh B Setiausaha yang selalu membaca tulisan A.

Keterangan oleh B itu adalah berkaitan sungguh pun B tidak melihat A menulis surat itu.

Bila pendapat tentang adanya hak atau urf berkaitan.

36. Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang adanya apa-apa urf atau hak am maka pendapat tentang adanya urf atau hak itu dari orang yang mungkin tahu mengenai adanya urf atau hak itu, sekiranya ada, adalah berkaitan.

Huraian - Perkataan urf atau hak am adalah termasuk urf atau hak bersama antara sebahagian besar golongan masyarakat tertentu.

Bila pendapat tentang amalan dan kepercayaan dan sebagainya berkaitan.

37. Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang -

- a) amalan dan kepercayaan sesuatu kumpulan orang atau keluarga;
- b) penubuhan dan pengelolaan sesuatu yayasan Agama atau khairat; atau
- c) erti perkataan atau istilah yang digunakan dalam daerah tertentu atau oleh golongan orang tertentu;

maka pendapat orang yang ada mempunyai cara-cara yang istimewa bagi mengetahuinya adalah nyataan berkaitan.

Bila pendapat atas pertalian adalah qarinah.

38. (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang pertalian seseorang dengan seorang lain, maka pendapat seseorang tentang adanya pertalian itu seperti yang ternyata melalui kelakuannya iaitu sama ada seseorang itu sebagai keluarga atau tidak dengan cara istimewa bagi mengetahui perkara itu, ialah suatu qarinah.

### MISALAN

(a) Soalnya ialah sama ada A dan B telah berkahwin.

Nyataan bahawa mereka telah biasanya diterima dan disifatkan oleh sahabat mereka sebagai suami isteri adalah qarinah.

(b) Soalnya ialah sama ada A adalah anak B yang sah.

Nyataan bahawa A telah sentiasa disifatkan sedemikian itu oleh keluarganya adalah qarinah.

39. Apabila pendapat seseorang yang masih hidup adalah berkaitan, maka alasan pendapat itu adalah juga berkaitan.

## MISALAN

Seseorang pakar boleh menceritakan ujian yang telah dijalankan olehnya bagi maksud merumuskan pendapatnya.

### **WATAK BILA BERKAITAN**

40. Dalam kes mal nyataan bahawa watak seseorang yang berkenaan adalah sebegitu rupa hingga boleh menyebabkan munasabah atau tidak munasabah apa-apa kelakuan yang ditohmahkan atasnya tidaklah berkaitan, kecuali setakat mana watak itu terzahir dari nyataan yang berkaitan dengan jalan lain.

41. Dalam perbicaraan jenayah nyataan bahawa orang yang dituduh itu adalah seorang yang berwatak baik adalah berkaitan.

Watak yang  
dahulunya  
tidak baik  
tidaklah  
berkaitan  
kecuali bagi  
menjawab.

42. Dalam pembicaraan jenayah nyataan bahawa orang yang dituduh itu mempunyai watak yang tidak baik tidaklah berkaitan, melainkan jika keterangan telah diberi bahawa ia mempunyai watak yang baik, dan dalam hal yang demikian nyataan itu adalah berkaitan.

Huraian 1 - Seksyen ini tidak dipakai bagi kes di mana watak tidak baik seseorang adalah dengan sendirinya suatu nyataan yang menjadi soal.

Huraian 2 - Sesuatu sabitan yang dahulu adalah berkaitan sebagai keterangan mengenai watak yang tidak baik.

## BAHAGIAN 2 MENGENAI BUKTI BAB 3

### NYATAAN YANG TIDAK PERLU DIBUKTIKAN

- Nyataan yang diberi pengiktirafan kehakiman tidak perlu dibuktikan.
- Nyataan yang Mahkamah mesti memberi Pengiktirafan Kehakiman.
43. Tiadalah apa jua nyataan yang Mahkamah akan memberi Pengiktirafan Kehakiman perlu dibuktikan.
44. Mahkamah hendaklah memberi Pengiktirafan Kehakiman mengenai nyataan yang berikut atau mana-mana bahagiannya -
- (a) semua undang-undang atau peraturan yang sekarang ini berkuatkuasa sebagai undang-undang atau yang hingga sekarang ini berkuatkuasa atau kemudian daripada ini akan berkuatkuasa di mana-mana tempat di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya;
  - (b) undang-undang Angkatan Tentera bagi Tentera Laut, Tentera Darat dan tentera Udara;
  - (c) perjalanan mesyuarat Parlimen, Majlis Mesyuarat Perundangan dan Majlis Mesyuarat Negeri;
  - (d) Pemasyhuran Yang di Pertuan Agong dan Pemasyhuran Sultan mana-mana negeri di dalam Malaysia dan perlantikan Yang di-Pertua Negeri;
  - (e) segala meteri bagi semua Mahkamah dalam Persekutuan atau dalam mana-mana bahagiannya dan meteri-meteri notari awam, dan segala meteri yang seseorang diberi kuasa menggunakan oleh undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu di dalam Persekutuan;
  - (f) pemegangan jawatan, nama, gelaran, tugas dan tandatangan orang-orang yang pada masa itu memenuhi mana-mana jawatan awam di dalam mana-mana bahagian Persekutuan, jika nyataan mengenai perlantikannya kepada jawatan itu diberitahu di dalam Warta Kerajaanatau Warta Negeri;

(g) perjalanan biasa keadaan tabii, bahagian waktu semula jadi, atau rekaan, bahagian dunia mengikut ilmu alam makna perkataan Bahasa Malaysia, Inggeris dan Arab dan hariraya, puasa dan hari kelepasan awam yang diberitahu di dalam Warta Kerajaan Persekutuan atau Negeri;

(h) nama ahli dan pegawai Mahkamah Syariah dan Mahkamah Awam serta timbalan, pegawai bawahan dan penolong mereka dan juga nama semua pegawai yang bekerja pada melaksanakan perintah Mahkamah, dan nama semua peguambela dan peguamcara dan peguam Syar'i' dan lain-lain orang yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk hadir atau bertugas di hadapannya;

(i) kaedah jalan di darat atau di laut atau udara;

(j) segala hal-hal lain yang mahkamah diarah oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya mengiktirafkannya.

(2) Dalam segala hal ini, dan juga mengenai segala perkara berkenaan dengan seni, sains, sastera atau sejarah awam, Mahkamah bolehlah mendapatkan bantuan dari buku atau suratan rujukan yang sesuai.

(3) Jika Mahkamah diminta oleh sesiapa supaya memberi pengiktirafan kehakiman berkenaan dengan apa-apa nyataan maka Mahkamah boleh menolak daripada berbuat demikian itu melainkan dan sehingga orang itu menunjukkan buku atau suratan sebagaimana yang difikirkan perlu bagi membolehkan Mahkamah berbuat demikian itu.

(4) Bagi maksud peruntukan seksyen kecil (1)(d) Sultan termasuk Raja dan Yang di-Pertuan Besar.

Nyataan  
yang diakui  
tidak perlu  
dibuktikan.

45. (1) Tertakluk kepada seksyen 17(2) tidaklah perlu dibuktikan dalam mana-mana perbicaraan apa jua nyataan yang pihak atau wakil mereka dalam perbicaraan itu bersetuju hendak mengaku apabila diadakan perbicaraan itu atau yang sebelum diadakan pembicaraan itu, mereka bersetuju hendaak mengaku dengan sesuatu surat yang ditandatangani oleh mereka, atau yang menurut sesuatu kaedah guaman yang berkuatkuasa pada masa itu mereka adalah disifatkan telah mengaku melalui surat guaman mereka.

(2) Mahkamah boleh, menurut budibicaranya, menghendaki supaya nyataan yang diakui itu dibuktikan dengan jalan lain daripada pengakuan itu.

## BAB 4 KETERANGAN LISAN

- |  |  |
|--|--|
| <p>Membuktikan nyataan dengan keterangan lisan.</p> <p>Keterangan lisan mestilah secara terus-</p> | <p>46. Segala nyataan, kecuali kandungan surat, bolehlah dibuktikan dengan keterangan lisan.</p> <p>47. (1) Keterangan lisan mestilah dalam segala hal apa pun diberi secara terus-</p> <p class="list-item-l1">(a) jika ia berkenaan dengan sesuatu nyataan yang boleh dilihat, maka ia mestilah keterangan saksi yang menyatakan ia telah melihat nyataan itu;</p> <p class="list-item-l1">(b) jika ia berkenaan dengan sesuatu nyataan yang boleh didengar, maka ia mestilah keterangan saksi yang menyatakan ia telah mendengar nyataan itu;</p> <p class="list-item-l1">(c) jika ia berkenaan dengan sesuatu nyataan yang boleh difahami melalui sesuatu pancaindera lain atau dengan apa-apa cara lain, maka ia mestilah keterangan saksi yang menyatakan ia telah memahami nyataan itu dengan pancaindera itu atau dengan cara itu;</p> <p class="list-item-l1">(d) jika ia berkenaan dengan sesuatu pendapat atau dengan alasan bagi memegang pendapat itu, maka ia mestilah keterangan orang yang memegang pendapat itu atau alasan itu.</p> <p>(2) Pendapat pakar yang dinyatakan di dalam buku ilmiah yang biasanya ada dijual dan alasan bagi memegang pendapat itu bolehlah dibuktikan dengan menunjukkan buku ilmiah itu.</p> <p>(3) Jika keterangan lisan menyatakan kewujudan sesuatu benda atau keadaan sesuatu benda, yang lain daripada suratan, maka Mahkamah boleh, jika difikirkan patut, menghendaki benda itu dikemukakan untuk pemeriksannya.</p> |
|--|--|

## BAB 5

## KETERANGAN SURATAN

Membuktikan kandungan suratan.

48. Kandungan suratan boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan asal atau dengan keterangan tak asal.

49. Keterangan asal ertiya suratan asal yang dikemukakan untuk pemeriksaan Mahkamah.

Huraian 1 - Jika sesuatu suratan disempurnakan dengan beberapa naskah, maka tiap-tiap satu naskah itu adalah keterangan asal bagi suratan itu.

Jika sesuatu suratan disempurnakan dengan naskah bertimbang dan tiap-tiap satu naskah bertimbang itu disempurnakan oleh satu atau setengah pihak sahaja, maka tiap-tiap satu naskah bertimbang itu adalah keterangan asal terhadap pihak yang menyempurnakannya itu.

Huraian 2 - Jika beberapa suratan adalah semuanya dibuat dengan satu proses yang seragam seperti dalam hal cetakan, litografi atau gambarfoto tiap-tiap satunya adalah keterangan asal mengenai kandungan yang lainnya itu, akan tetapi jika suratan itu adalah semuanya salinan daripada satu naskah asal maka suratan itu tidaklah menjadi keterangan asal mengenai kandungan naskah asal.

## MISALAN

Seseorang adalah dibuktikan sebagai telah ada di dalam miliknya beberapa pelekat, kesemuanya dicetak pada satu masa daripada satu naskah asal. Mana-mana satu daripada pelekat itu adalah keterangan asal mengenai kandungan mana-mana satu yang lain itu, akan tetapi tiadalah satu pun daripadanya menjadi keterangan asal mengenai kandungan naskah itu.

Keterangan tak asal.

50. Keterangan tak asal adalah termasuk -

- (a) salinan yang diperakui menurut peruntukan yang terkandung kemudian daripada ini;
- (b) salinan yang dibuat daripada naskah asal dengan jalan proses mesin, yang sendirinya adalah memastikan tepatnya salinan itu, dan juga salinan yang dibandingkan dengan salinan itu;
- (c) salinan yang dibuat daripada atau yang dibandingkan dengan naskah asal;

- (d) naskah bertimbang suratan terhadap pihak yang tidak menyempurnakannya;
- (e) keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu suratan, yang diberi oleh seseorang yang telah melihat sendiri suratan itu.

### MISALAN

- (a) Sesuatu gambarfoto bagi naskah asal adalah keterangan tak asal mengenai kandungannya, walaupun gambarfoto dan naskah asal itu tidak dibandingkan jika sekiranya dibuktikan bahawa benda yang telah digambarfoto itu adalah naskah asal.
- (b) Sesuatu salinan yang telah dibandingkan dengan salinan surat yang telah dibuat dengan mesin menyalin adalah keterangan tak asal mengenai kandungan surat itu jika sekiranya dibuktikan bahawa salinan yang dibuat daripada mesin menyalin itu telah dibuat dengan naskah asal.
- (c) Sesuatu salinan yang disalin daripada salinan dan yang kemudiannya dibandingkan dengan naskah asal adalah keterangan tak asal; akan tetapi salinan yang tidak dibandingkan dengan naskah asal itu bukanlah keterangan tak asal mengenai naskah asalnya walaupun salinan yang daripadanya ia telah dibuat telah dibandingkan dengan naskah asal.

Membuktikan suratan dengan keterangan asal.

Bila keterangan tak asal bagi suratan boleh diberi.

51. Suratan mestilah dibuktikan dengan keterangan asal kecuali dalam hal-hal yang tersebut kemudian daripada ini.

52. Keterangan tak asal boleh diberi mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu suratan yang boleh diterima sebagai keterangan dalam hal yang berikut -

- (a) apabila naskah asalnya ditunjukkan sebagai ada di dalam milik atau di bawah kuasa -

- i. orang yang terhadapnya suratan itu hendak dibuktikan; atau
- ii. seseorang yang ada di luar kuasa atau yang tidak tertakluk kepada perintah Mahkamah; atau
- iii. seseorang yang terpaksa di sisi undang-undang supaya mengemukakannya;

dan setelah diberi notis yang tersebut dalam seksyen 54 Enakmen ini orang itu tidak mengemukakannya.

- (b) apabila kewujudan, keadaan atau kandungan naskah asalnya telah dibuktikan sebagai telah diakui dengan bertulis oleh orang yang terhadapnya ia dibuktikan atau oleh wakilnya yang diakui dengan bertulis di hadapan Hakim atau Pesuruhjaya Sumpah yang berugama Islam;
- (c) apabila naskah asalnya telah musnah atau hilang atau apabila pihak yang membawa keterangan mengenai kandungannya tidak boleh mengemukakannya dalam masa yang berpatutan kerana apa-apa jua sebab yang tidak terbit daripada kemungkinan atau kecuaiannya sendiri;
- (d) apabila naskah asalnya berkeadaan yang ia tidak boleh dialeh dengan mudah;
- (e) apabila naskah asalnya adalah suatu suratan awam dalam erti seksyen 57 Enakmen ini;
- (f) apabila naskah asalnya adalah suatu suratan, salinannya yang diperakuinya dibenarkan diberi dalam keterangan oleh Enakmen ini atau oleh mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa pada masa itu di dalam Persekutuan, atau mana-mana bahagiannya;
- (g) apabila naskah asalnya mengandungi berbagai akuan kira-kira atau suratan lain yang tidak boleh diperiksa dengan mudah di Mahkamah dan nyataan yang hendak dibuktikan itu ialah pendapatnya secara am mengenai kesemuanya itu.

Dalam hal (a), (c) dan (d) apa-apa keterangan tak asal mengenai kandungan suratan itu boleh diterima.

Kaedah  
tentang notis  
supaya  
mengemukakan.

Dalam hal (b), pengakuan bertulis di hadapan Hakim atau Pesuruhjaya Sumpah yang berugama Islam itu bolehlah diterima.

Dalam hal (c) atau (f) hanya salinan suratan itu yang diperakui boleh diterima.

Dalam hal (g) keterangan boleh diberi tentang pendapat secara am atas suratan itu oleh orang yang telah memeriksanya dan yang mahir dalam pemeriksaan suratan seperti itu.

53. Keterangan tak asal mengenai kandungan suratan yang tersebut dalam perenggan (a) seksyen 52 Enakmen ini tidak boleh diberi melainkan jika pihak yang bercadang hendak memberi keterangan tak asal itu telah terlebih dahulu memberi kepada pihak yang ada memiliki atau ada di bawah kuasanya suratan itu, atau kepada peguamcaranya, suatu notis yang ditetapkan oleh undang-undang supaya mengemukakannya, dan jika sekiranya tiada notis yang ditetapkan oleh undang-undang, maka notis itu hendaklah sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah menurut keadaan hal itu;

Dengan syarat bahawa notis yang seumpama itu tidaklah dikehendaki bagi menjadikan keterangan tak asal boleh diterima dalam mana-mana hal yang berikut atau dalam mana-mana hal lain yang Mahkamah berpendapat notis itu tidak dikehendaki -

- (a) apabila suratan yang hendak dibuktikan itu adalah sendirinya suatu notis;
- (b) apabila daripada keadaan kes itu pihak lawan tentu sekali tahu yang ia akan dikehendaki mengemukakannya;
- (c) apabila jelas atau apabila dibuktikan bahawa pihak lawan telah dapat memiliki naskah asalnya dengan jalan tipuan atau kekerasan;
- (d) apabila pihak lawan atau wakilnya ada mempunyai naskah dalam Mahkamah;
- (e) apabila pihak lawan atau wakilnya telah mengaku suratan itu telah hilang;
- (f) apabila orang yang memiliki suratan itu berada di luar kuasa atau tidak tertakluk kepada perintah Mahkamah.

- Membuktikan tandatangan dan tulisan-tangan orang yang dikatakan telah menandatangi atau menulis suratan yang dikemukakan
- Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meteri
- Membuktikan suratan.
54. Jika sesuatu suratan dikatakan telah ditandatangani atau telah ditulis kesemuanya atau sebahagiannya oleh seseorang maka tandatangan atau tulisan tangan itu sebanyak mana yang ada dalam suratan itu yang dikatakan dengan tulisan tangan orang itu mestilah dibuktikan sebagai tulisan tangannya.
55. (1) Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meteri hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang melaksanakan suratan itu.
- (2) Sesuatu pengakuan melalui suratan yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterinya dan diserahkan kepada orang lain hendaklah diterima sebagai Iqrar.
56. (1) Jika seseorang menafikan tulisan atau penyempurnaan atau tanggungan yang diwujudkan di dalam sesuatu suratan, tulisan dan penyempurnaan suratan tersebut hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi kepada suratan itu.
- (2) Jika saksi kepada suratan itu tidak boleh didapati, tulisan dan penyempurnaan suratan itu hendaklah dibuktikan oleh dua orang saksi yang mengenali tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan suratan itu.
- (3) Jika saksi kepada suratan itu atau orang yang disebut di dalam seksyen kecil (2) menyaksikan tulisan dan tandatangan itu, orang yang menyempurnakan suratan tersebut hendaklah terikat dengan tanggungan yang diwujudkan.
- (4) Jika saksi kepada suratan itu atau orang yang disebut di dalam seksyen kecil (2) tidak menyaksikan tulisan dan tandatangan suratan itu sepenuhnya, tulisan dan tandatangan suratan itu hendaklah diperakui sah oleh seboleh-bolehnya dua orang pakar.

(5) Jika pakar memperakukan sah tulisan dan tandatangan suratan itu, orang yang menyempurnakan suratan itu hendaklah terikat dengan tanggungan yang diwujudkan.

(6) Jika suratan tidak boleh dibuktikan dengan cara yang tersebut di atas, orang yang menafikan tulisan itu dan penyempurnaan suratan itu hendaklah apabila diminta oleh pihak yang menuntut mengangkat sumpah dan jika dia tidak mahu bersumpah, sumpah itu dikembalikan kepada pihak yang menuntut dan selepas sumpah itu dibuat sabitlah tuntutannya.

### SURATAN AWAM

Suratan awam. 57. Suratan yang berikut adalah suratan awam -

(a) Suratan yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan -

(i) kuasa pemerintah;

(ii) badan resmi dan badan pengadilan; dan

(iii) pegawai awam dari bahagian perundangan, kehakiman dan

pemerintah, sama ada bagi Persekutuan, atau bagi mana-mana

negeri di dalam Persekutuan atau negari di luar Malaysia, dan

(b) rekod awam yang disimpan di Malaysia mengenai suratan sendirian.

Suratan sendirian. 58. Segala suratan selain dari yang disebut di dalam seksyen 57 adalah suratan sendiri.

Salinan yang diperakui bagi suratan awam.

59. Tiap-tiap pegawai awam yang ada di dalam simpanannya sesuatu suratan awam yang seseorang ada hak memeriksa hendaklah memberikan kepada orang itu atas permintaannya salinan suratan itu apabila dibayar bayarannya yang sah di sisi undang-undang, beserta dengan suatu perakuan yang ditulis di kaki salinan itu bahawa ianya salinan yang benar bagi suratan itu atau bagi sebahagiannya, dan perakuan itu hendaklah ditarikhkan serta ditandatangani oleh pegawai itu dengan nama dan jawatan resminya, dan hendaklah dimeterikan jika pegawai itu dibenarkan oleh undang-undang menggunakan sesuatu meteri, dan salinan yang diperakui demikian itu adalah dipanggil salinan yang diperakui.

Huraian - Seseorang pegawai, yang diberi kuasa mengeluarkan salinan yang tersebut itu pada menjelaskan kewajipan resminya yang biasa, adalah disifatkan sebagai ada di dalam simpanannya suratan yang tersebut itu dalam erti seksyen ini.

Membuktikan suratan dengan mengemukakan salinan yang diperakui.

60. Salinan yang diperakui seumpamanya itu yang disebut dalam sksyen 59 bolehlah dikemukakan sebagai bukti mengenai kandungan suratan awam atau mana-mana bahagian.

Bukti suratan resmi

61. (1) Suratan awam yang berikut bolehlah dibuktikan -

(a) tindakan, perintah atau pemberitahuan Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri di dalam Persekutuan dalam mana-mana jabatannya -

(i) dengan jalan rekod rekod bagi jabatan itu, yang diperakui oleh ketua bagi jabatan masing-masing; atau

(ii) oleh seseorang Menteri sekiranya bagi Kerajaan Persekutuan dan Menteri Besar, Ketua Menteri atau Menteri Kerajaan Negeri jika ada atau Setiausaha Negeri sekiranya bagi Kerajaan Negeri; atau

(iii) dengan jalan apa-apa suratan yang berupa sebagai dicetak dengan kuasa kerajaan yang berkenaan itu.

(b) Perjalanan mesyuarat Parlimen, Majlis Mesyuarat Perundangan dan Dewan-Dewan Perundangan Negeri -

dengan jalan minit mesyuarat badan itu, atau dengan jalan Akta Parlimen, Ordinan, Enakmen atau ringkasan yang diterbitkan, atau, dengan jalan salinan yang berupa sebagai dicetak dengan kuasa Kerajaan yang berkenaan;

(c) perjalanan mesyuarat sesuatu badan perbandaran atau lembaga bandaran di dalam Malaysia -

dengan suatu salinan minit mesyuaratnya yang diperakui oleh penyimpannya yang sah di sisi undang-undang, atau dengan jalan sesuatu buku bercetak yang berupa sebagai diterbitkan dengan kuasa badan yang tersebut itu;

(d) tindakan pemerintah atau perjalanan mesyuarat badan perundangan sesebuah negara asing -

dengan jalan warta yang disiarkan dengan kuasanya atau yang biasanya diterima di dalam negara itu sebagai yang demikian itu, atau dengan jalan suatu salinan yang diperakui yang mengandungi meteri negara itu atau meteri Rajanya,

atau,

dengan jalan sesuatu pengiktirafan atasnya dalam sesuatu Ordinan atau Akta Awam Malaysia.

(e) suratan awam dari apa-apa jenis lain di dalam sesebuah negara asing -

dengan jalan naskah asalnya, atau, dengan jalan suatu salinannya yang diperakui oleh penyimpannya yang sah di sisi undang-undang beserta dengan suatu perakuan yang mengandungi meteri seseorang pegawai bahagian konsul Persekutuan yang menyatakan bahawa salinan itu adalah diperakui dengan sempurnanya oleh pegawai yang ada naskah asalnya itu di bawah jagaannya yang sah di sisi undang-undang dan apabila jenis suratan itu dibuktikan mengikut undang-undang negara asing.

#### ANGGAPAN TENTANG SURATAN

Anggapan tentang salinan yang diperakui.

62. (1) Mahkamah hendaklah menganggap sebagai tulen tiap-tiap suratan yang berupa sebagai suatu perakuan, salinan yang diperakui atau lain-lain suratan, yang ditetapkan oleh undang-undang boleh diterima sebagai keterangan mengenai sesuatu nyataan yang tertentu dan yang berupa sebagai diperakui oleh mana-mana pegawai Kerajaan di dalam atau di luar Malaysia yang diberi kuasa memperakuinya:

Dengan syarat bahawa suratan itu adalah pada asasnya mengikut bentuk dan berupa sebagai disempurnakan secara yang diarahkan oleh undang-undang bagi maksud itu.

(2) Mahkamah hendaklah juga menganggap bahawa mana-mana pegawai yang olehnya sesuatu suratan itu berupa sebagai ditandatangani atau diperakui telah memegang, pada masa ia menandatangani, jawatan resmi yang ia nyatakan di dalam suratan itu.

Anggapan tentang suratan yang dikemukakan sebagai rekod keterangan.

63. Apabila dikemukakan di hadapan mana-mana Mahkamah sesuatu suratan yang berupa sebagai suatu rekod atau peringatan mengenai keterangan atau mengenai sebahagian yang telah diberi oleh seorang saksi di dalam sesuatu perbicaraan kehakiman atau di hadapan seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh undang-undang bagi mengambil keterangan itu atau yang berupa sebagai suatu iqrar oleh seseorang banduan atau seseorang yang dituduh, yang telah diambil mengikut undang-undang dan yang berupa sebagai ditandatangani oleh seseorang Hakim Syariah, Hakim, Hakim Mahkamah Sesyen, atau Majistret atau oleh seseorang pegawai sebagaimana yang tersebut di atas, maka Mahkamah hendaklah menganggap;

- (a) bahawa suratan itu adalah tulen;
- (b) bahawa apa-apa kenyataan yang berupa sebagai dibuat oleh orang yang menandatanganinya tentang keadaan dalam mana keterangan, kenyataan atau pengakuan sumpah itu telah diambil, adalah benar; dan
- (c) bahawa keterangan, kenyataan atau iqrar itu telah diambil dengan sempurnanya.

- Anggapan tentang warta, akhbar dan suratan lain.
- Anggapan tentang peta atau pelan yang dibuat dengan kuasa Kerajaan.
- Anggapan tentang undang-undang dan siaran keputusan
- .
- Anggapan tentang surat kuasa wakil.
- Anggapan tentang salinan yang diperakui bagi rekod kehakiman negara asing.
64. Mahkamah hendaklah menganggap sebagai tulen tiap-tiap suratan yang berupa sebagai Warta Kerajaan Malaysia atau Warta Kerajaan Negeri, atau sebagai sebuah akhbar jurnal atau majalah dan tiap-tiap suratan yang berupa sebagai suratan yang diarah oleh mana-mana undang-undang supaya disimpan oleh sesiapa jua, jika suratan itu disimpan pada asasnya secara yang dikehendaki oleh undang-undang dan dikeluarkan daripada simpanan yang sepatutnya.
65. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa peta atau pelan yang berupa sebagai dibuat dengan kuasa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana negeri dalam Persekutuan telah dibuat demikian itu adalah betul.
66. Mahkamah hendaklah menganggap ketulenan setiap buku yang berupa -  
(a) sebagai dicetak atau diterbitkan di bawah kuasa Kerajaan mana-mana negara dan sebagai mengandungi apa-apa jua undang-undang negara itu; atau  
(b) sebagai mengandungi laporan keputusan Mahkamah negara itu.
67. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa tiap-tiap suratan yang berupa sebagai surat kuasa wakil, dan sebagai telah disempurnakan di hadapan serta disahkan oleh seseorang penyaksi awam atau Pesuruhjaya Sumpah, atau mana-mana Mahkamah, Hakim Mahkamah syariah, Majistret atau pegawai bahagian konsul Persekutuan telah disempurnakan serta disahkan dengan demikian itu.
68. Mahkamah boleh menganggap bahawa sesuatu suratan yang berupa sebagai salinan yang diperakui dari sesuatu rekod kehakiman mana-mana negara luar Malaysia adalah tulen dan betul jika suratan itu berupa sebagai diperakui dengan apa-apa cara yang disahkan oleh wakil Yang di-Pertuan Agong di dalam atau bagi negara itu sebagai cara yang biasanya dipakai di dalam negara itu bagi memperakui salinan rekod kehakiman.

- Anggapan tentang buku-peta dan rajah.
69. Mahkamah boleh menganggap bahawa mana-mana buku yang dirujuk untuk mendapat maklumat mengenai Hukum Syarak atau apa-apa perkara yang ada kepentingan awam atau kepentingan am, dan bahawwa mana-mana peta atau rajah yang disiarkan yang kenyataan di dalamnya itu adalah nyataan yang berkaitan dengan yang dikemukakan untuk pemeriksannya,, telah ditulis dan diterbitkan oleh orang dan pada masa dan di tempat yang ianya dinyatakan telah ditulis atau disiarkan.
- Anggapan tentang perutusan telegraf.
70. Mahkamah boleh menganggap bahawa sesuatu perutusan yang dihantar dari sesebuah pejabat telegraf kepada orang yang perutusan itu dialamatkan adalah bersamaan dengan perutusan yang telah diserahkan untuk dihantar di pejabat yang darinya perutusan itu berupa sebagai dihantar, akan tetapi Mahkamah tidak boleh membuat apa-apa anggapan tentang siapakah yang telah menyerahkan perutusan itu untuk dihantar.
- Anggapan tentang penyempurnaan, dsb. mengenai suratan yang tidak dikemukakan.
71. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa suratan yang telah diminta dan tidak dikemukakan setelah notis supaya mengemukakannya diberi di bawah seksyen 53 Enakmen ini, telah disaksi, disetem dan disempurnakan mengikut cara yang dikehendaki oleh undang-undang.

BAHAGIAN 3  
PENGEMUKAAN DAN NATIJAHL KETERANGAN

BAB 6  
BEBAN MEMBUKTI

Beban memberi keterangan.

72. Beban memberi keterangan (Baiyyinah) terletak ke atas pihak yang mendakwa (alMudda'ii) dan sumpah atas yang engkar (a) Mudda'a'alaih).

Beban membuktikan.

73. (1) Sesiapa berkehendak Mahkamah membuat hukuman tentang apa-apa jua hak atau tanggungan di sisi undang-undang dengan bergantung atas adanya nyataan yang ditegakkan olehnya, mestilah membuktikan bahawa nyataan itu ada.

(2) Apabila seseorang terpaksa membuktikan ada sesuatu nyataan, maka adalah dikatakan bahawa beban membuktikan adalah terletak atas orang itu.

#### MISALAN

A pihak pendakwa berkehendak Mahkamah memberi hukuman supaya B dihukum kerana jenayah yang A kata telah dilakukan oleh B.

Pihak Pendakwa mestilah membuktikan bahawa B telah melakukan jenayah itu.

Atas siapakah beban membuktikan.

74. Beban membuktikan di dalam sesuatu guaman atau perbicaraan adalah terletak atas orang yang akan tidak berjaya sekiranya tiada apa-apa keterangan jua pun diberi oleh mana-mana pihak.

Beban membuktikan nyataan tertentu.

75. Beban membuktikan sesuatu nyataan yang tertentu adalah terletak atas orang yang berkehendakkan Mahkamah mempercayai adanya nyataan itu, melainkan jika ada diperuntukan oleh mana-mana undang-undang bahawa bukti mengenai nyataan itu hendaklah terletak atas mana-mana orang tertentu.

#### MISALAN

A berkehendakkan Mahkamah mempercayai bahawa pada masa yang berkenaan itu ia berada di suatu tempat lain. Ia mestilah membuktikannya.

Beban membuktikan nyataan yang dikehendaki supaya keterangan boleh diterima.

76. Beban membuktikan sesuatu nyataan yang perlu dibuktikan membolehkan seseorang memberi keterangan mengenai sesuatu nyataan lain adalah terletak atas orang yang hendak memberi keterangan itu.

#### MISALAN

(a) A hendak membuktikan suatu akuan yang dibuat oleh B semasa marad al-maut. A mestilah membuktikan marad al-maut dan kematian B.

(b) A hendak membuktikan dengan jalan keterangan tak asal tentang kandungan suatu suratan yang telah hilang.

A mestilah membuktikan bahawa suratan itu telah hilang.

Beban membuktikan bahawa kes orang yang dituduh adalah termasuk di dalam kecualian.

77. Apabila seseorang dituduh atas sesuatu kesalahan, maka beban membuktikan adanya hal keadaan yang membawa kes itu termasuk di dalam kecualian am di dalam mana-mana undang-undang atau di dalam mana-mana kecualian khas atau syarat yang terkandung dalam mana-mana bahagian undang-undang itu adalah terletak atasnya, dan Mahkamah hendaklah menganggapkan hal keadaan yang tersebut itu sebagai tidak ada.

#### MISALAN

(a) A dituduh bersekedudukan dengan B. Pendakwa membawa keterangan bahawa A telah pun menceraikan B isterinya.

A mendakwa bahawa ia terpaksa menceraikan isterinya.

Beban membuktikan bahawa ia dipaksa itu terletak atasnya.

(b) C dituduh melakukan persetubuhan secara haram dengan D. C mendakwa bahawa ia telah bernikah dengan D di negara asing.

Beban membuktikan pernikahan itu terletak ke atasnya.

- Beban membuktikan nyataan yang diketahui secara khas.
78. Apabila sesuatu nyataan adalah khasnya diketahui oleh seseorang maka beban bagi membuktikan nyataan itu terletak atasnya.

### MISALAN

Apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan sesuatu niat yang lain daripada niat yang boleh difaham daripada hal keadaan perbuatan itu, maka beban membuktikan niat itu adalah terletak atasnya.

- Beban membuktikan kematian orang yang diketahui masih hidup dalam masa 30 tahun dahulunya.
79. Tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain, apabila soalnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah mati dan keterangan ada ditunjukkan bahawa orang itu masih hidup dalam masa tiga puluh tahun dahulunya, maka beban membuktikan bahawa ia telah mati adalah terletak atas orang yang mendakwa demikian itu.

- Beban membuktikan masih hidup orang yang tiada apa-apa khabar telah didengar selama empat tahun.
80. Tertakluk kepada Hukum Syarak dan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain, apabila soalnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah mati dan ada dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar empat tahun dari masa ia hilang oleh orang-orang sepututnya mendengar khabarnya sekiranya ia masih hidup, makka beban membuktikan bahawa ia masih hidup adalah terpindah kepada orang yang mendakwa demikian itu.

- Beban membuktikan tentang kepunyaan.
81. Apabila soalnya ialah sama ada seseorang tuanpunya bagi apa-apa benda yang ditunjukkan sebagai ada di dalam miliknya, maka beban membuktikan bahawa ia bukanlah tuanpunyanya adalah terletak atas orang yang membuat pengakuan bahawa ia bukanlah tuanpunyanya.

- Mahkamah boleh menganggap sesuatu nyataan sebagai ada.
82. Mahkamah bolehlah menganggap ada apa-apa nyataan yang difikirkan telah berlaku, setelah menimbangkan peristiwa tabii yang biasanya berlaku, kelakuan manusia, dan urusan awam dan peribadi dalam perhubungannya dengan nyataan bagi sesuatu hal yang tertentu.

Huraian 1 - Perjalanan kehakiman dan pentadbiran telah dilaksanakan mengikut peraturan.

Huraian 2 - Perjalanan biasa di dalam sesuatu urusan telah dibuktikan.

BAB 7  
SAKSI

Siapa yang boleh memberi keterangan sebagai saksi.

83. (1) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan peruntukan seksyen ini semua orang Islam adalah layak memberi keterangan sebagai saksi (shahadah) dengan syarat mereka hendaklah sempurna akal, baligh, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak menimbulkan tohmah.

(2) Seorang yang bukan Islam layak memberi keterangan sebagai saksi ke atas seorang Islam jika keterangan itu boleh diterima mengikut Hukum syarak.

Huraian:

(a) Keterangan seorang pakar bukan Islam terhadap seorang Islam adalah layak diterima jika perlu.

(b) Seorang yang bukan Islam adalah layak memberi keterangan ke atas seorang bukan Islam yang lain.

(3) Seorang yang tidak bersifat adil yang mana keburukannya mengatasinya kebaikannya atau sentiasa bercakap dusta atau rosak akhlaknya adalah tidak layak memberi keterangan.

(4) Apabila orang itu orang bukan Islam ia mestilah boleh dipercayai mengikut agamanya.

(5) Seorang kanak-kanak yang belum baligh atau seorang yang baligh tetapi terganggu atau tercacat akal fikirannya adalah tidak layak memberi keterangan.

Huraian - Keterangan kanak-kanak dalam kes kecederaan yang dilakukan oleh setengah kanak-kanak, ke atas yang lain selama mana mereka tidak berselisih faham dan masih berada di tempat kejadian itu adalah layak diterima.

(6) Seorang yang dikenali dengan lemah ingatan atau pelupa atau salah ingatan adalah tidak layak memberi keterangan.

(7) Seorang yang diragui kerana hubungan baik yang mempunyai kepentingan dengan pihak yang berkaitan adalah tidak layak memberi keterangan bagi pihak itu.

(8) Seorang yang diragui kerana hubungan buruk dengan pihak yang berkaitan adalah tidak layak memberi keterangan terhadap pihak itu.

Huraian - "Adil" ertinya seorang Islam yang termaklum menunaikan kewajipan agama dan menjauhi daripada dosa-dosa besar, dengan syarat bahawa jika saksi itu seorang bukan Islam dia hendaklah boleh dipercayai mengikut agamanya atau kepercayaannya.

Saksi bisu.  
84. (1) Seorang saksi yang bisu boleh memberi keterangan dengan apa-apa cara yang boleh difahami seperti dengan tulisan atau isyarat.

(2) Tulisan hendaklah ditulis dan isyarat hendaklah dilakukan di dalam Mahkamah.

Keterangan suami, isteri, ibubapa dan anak sebagai saksi.  
85. (1) Keterangan seorang suami terhadap isterinya dan keterangan isterinya terhadap suaminya boleh diterima.

(2) Keterangan seorang anak terhadap ibubapanya atau keterangan ibubapanya terhadap anaknya boleh diterima.

(3) Keterangan seorang suami bagi isterinya dan keterangan isteri bagi suaminya tidak boleh diterima.

(4) Keterangan ibubapa bagi anaknya dan keterangan anaknya bagi ibubapanya tidak boleh diterima.

Bilangan saksi.  
86. (1) Keterangan dalam kes zina yang membawa kepada hukuman hudud tidak boleh diterima kecuali ia disaksikan oleh empat orang lelaki.

- (2) Dakwaan seorang yang dikenali seorang kaya bahawa dia telah menjadi papa tidak boleh diterima kecuali ianya 'disokong' oleh tiga orang saksi lelaki.

Huraian - Pengakuan telah menjadi papa dalam pungutan zakat dan telah menjadi papa yang menggugurkan beban pembayaran hutang dan nafkah kaum kerabat dan isteri tidak boleh diterima kecuali disaksikan oleh tiga orang lelaki.

- (3) Dalam perkara melihat anak bulan keterangan seorang lelaki yang adil adalah layak diterima.

- (4) Keterangan seorang lelaki dalam keadaan yang berikut:-

(a) keterangan seorang guru dalam kes kanak-kanak sekolah;

(b) Keterangan pakar dalam menilai barang rosak;

(c) keterangan dalam penerimaan dan penolakan saksi;

(d) pemberitahuan memecat wakil;

(e) pemberitahuan keaiban barang jualan adalah layak diterima.

- (5) Keterangan seorang perempuan adalah layak diterima dalam perkara yang biasa dilihat oleh seseorang perempuan.

### MISALAN

Keterangan seorang perempuan yang menyusukan seorang bayi, seorang bidan dalam perkara haidh, beranak, penyusuan dan keaiban perempuan, adalah layak diterima.

- (6) Di dalam perkara-perkara lain dari yang disebut di atas hendaaklah keterangan diberi oleh dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

Cara memberi keterangan.

87. (1) Dalam kes mal keterangan hendaklah diberi oleh pihak menuntut dan pihak kena tuntut. Pihak kena tuntut yang engkar hendaklah diminta bersumpah mengikut Hukum Syarak.

(2) (a) Apabila sumpah dibuat oleh pihak kena tuntut, tuntutan pihak menuntut tertolak secara mutlak.

(b) Jika pihak kena tuntut enggan bersumpah maka Mahkamah bolehlah meminta pihak menuntut supaya bersumpah dan apabila sumpah dibuat maka tuntutannya hendaklah diterima.

(3) Di dalam kes janayah, keterangan hendaklah diberi bagi pihak pendakwa dan bagi pihak yang dituduh kecuali jika pihak kena tuntut mengaku salah.

Keterangan seorang saksi dan sumpah.

88. Keterangan seorang saksi sahaja bagi pihak yang menuntut adalah layak diterima di dalam kes mal dengan syarat dibuat bersama-sama dengan sumpah oleh pihak yang menuntut.

### MISALAN

Pihak yang menuntut yang menuntut hutang ke atas seorang lain dan hanya ada seorang saksi sahaja, tuntutannya itu boleh diterima dengan saksi itu bersama dengan sumpah pihak yang menuntut.

### BAB 8 PEMERIKSAAN SAKSI

Bila saksi perlu diperiksa.

89. Apabila saksi selesai memberi keterangan Hakim hendaklah menyoalnya, bagi memastikan kebenaran keterangan saksi tersebut.

Huraian - Jika ia berkata mana-mana saksi tidak bercakap benar atau mana-mana saksi itu adil tetapi saksi tersebut telah melakukan kesalahan dalam keterangannya atau saksi itu lupa fakta atau, katanya saksi itu adil tetapi ia menafikan dakwaan tersebut, Hakim tidak boleh memberi keputusan, kecuali terlebih dahulu memastikan saksi tersebut bersifat adil atau sebaliknya dengan pemeriksaan terbuka di dalam Mahkamah atau secara rahsia.

Jenis pemeriksaan.

90. Saksi hendaklah diperiksa secara terbuka di dalam Mahkamah atau secara rahsia melalui pihaknya yang ada pertalian dengannya.

### MISALAN

- (a) Jika saksi itu seorang penuntut, saksi hendaklah diperiksa melalui guru sekolah tempat ia belajar dan melalui pihak yang boleh dipercayai di tempat tersebut;
- (b) Jika saksi seorang anggota angkatan tentera, pemeriksaan dibuat melalui ketua bahagiannya;
- (c) Jika saksi seorang awam, ia hendaklah diperiksa melalui penduduk yang boleh dipercayai di tempat ia tinggal.

Pemeriksaan  
rahsia.

91. (1) Pemeriksaan rahsia hendaklah dibuat dengan Surat Rahsia di mana Hakim menulis nama pihak kena tuntut atau pihak kena dakwa dan perkara yang dituntut atau didakwa, juga nama saksi, pengenalan, pekerjaan, tempat tinggal bagi memperkenalkan dan menerangkan saksi tersebut dengan cara yang jelas.
- (2) Maklumat itu dimasukkan ke dalam satu sampul yang dimeteri, sampul itu kemudiannya diberikan kepada orang yang dipilih untuk menjadi pemeriksa saksi. Sebaik sahaja sampul itu diterima dan dibaca oleh pemeriksa saksi, ia hendaklah menulis di bawah nama saksi itu perkataan "adil" jika didapati saksi itu adil dan "tidak adil" jika didapati saksi itu tidak adil serta menandatangani dan menghantar surat itu kermbali kepada Hakim.
- (3) Apabila "Surat Rahsia" itu dikembalikan kepada Hakim dan tidak terdapat perkataan "adil" dari pemeriksa saksi tentang saksi tersebut, tetapi terdapat perkataan yang memberi makna tidak adil (jurh) secara jelas atau tersirat, Hakim bolehlah meminta pihak menuntut atau mendakwa membawa saksi lain.

Huraian - Jika pemeriksa itu menulis - Saksi tidak adil, atau ia tidak mengetahui hal keadaan saksi itu atau keadaan tidak diketahui atau menulis Wallahu'A'alam atau ia tidak menulis apa-apa perkataan, Hakim tidak boleh menerima keterangan saksi tersebut.

Bilangan  
pemeriksa saksi.

92. Bilangan pemeriksa saksi secara rahasia hendaklah lebih dari seorang sebagai langkah berhati-hati, walaupun seorang pemeriksa sudah memadai.

Pemeriksaan terbuka.

93. (1) Hakim bolehlah menjalankan pemeriksaan kali kedua ke atas saksi secara terbuka, walaupun saksi tersebut telah diperiksa dan didapati adil atau boleh diterima keterangannya.

(2) Pemeriksaan secara terbuka dilakukan dengan cara berikut -

(a) Saksi dibawa ke hadapan Hakim pada masa kehadiran pihak dalam guaman dan diperiksa oleh pemeriksa; atau

(b) Saksi dan pihak dalam guaman dihantar ke tempat pemeriksa dan di situ saksi itu diperiksa.

Pemeriksaan terbuka adalah menjadi sebahagian dari keterangan.

94. Pemeriksaan secara terbuka adalah menjadi sebahagian daripada keterangan (shahadah) yang mengambilkira syarat dan bilangan (nisab) keterangan.

Bila saksi tidak perlu diperiksa.

95. Hakim tidak lagi perlu menjalankan pemeriksaan ke atas saksi yang telah pun nyata keadilannya dalam sesuatu perbicaraan yang telah dijalankan apabila saksi itu menjadi saksi dalam perbicaraan yang lain di hadapan Hakim tersebut sekiranya jarak masa antara kedua-dua perbicaraan itu tidak melebihi enam bulan. Jika jarak masa antara kedua-dua perbicaraan itu melebihi enam bulan, Hakim hendaklah membuat pemeriksaan semula.

Penafian ke atas saksi.

95. Apabila pihak kena tuntut atau kena dakwa telah menafikan (ta'n) ke atas saksi sama ada sebelum atau selepas membuat pemeriksaan dengan mengemukakan sesuatu yang menghalang penerimaan keterangan, Hakim hendaklah memintanya memberi keterangan.

Huraian - Apabila pihak kena tuntut atau pihak kena dakwa membuktikan apa yang ia kata dengan keterangan, Hakim hendaklah menolak keterangan saksi tersebut. Sebaliknya jika pihak kena tuntut atau pihak kena dakwa gagal membuktikan apa yang ia kata, Hakim hendaklah meneruskan pemeriksannya jika ia belum berbuat demikian dan memberi keputusan mengikut keterangannya jika ia telah membuat pemeriksaan.

- Apabila pemeriksa saksi berbeza pendapat.
- Saksi ghaib.
- Bila saksi boleh diminta bersumpah.
97. Apabila seorang dari pemeriksa mendapati saksi tersebut adalah adil sedangkan pemeriksa yang lain mendapati ia tidak adil, Hakim tidak boleh membuat keputusan berdasarkan kepada keterangan saksi itu.
98. Sekiranya seorang saksi meninggal dunia atau ghaib selepas ia memberi keterangan dalam perkara-perkara Mu'amalat, Hakim ada bidang kuasa membuat pemeriksaan ke atasnya dan boleh memberi keputusan mengikut keterangannya.
99. Apabila pihak tuntut atau pihak dakwa membuat permohonan meminta Hakim memerintahkan saksi supaya bersumpah sebagai saksi yang bercakap benar kerana terdapat keperluan untuk memperteguhkan keterangannya, Hakim bolehlah mengarahkan saksi tersebut mengangkat sumpah dan Hakim bolehlah memberi ingatan kepada mereka itu bahawa jika mereka tidak bersumpah keterangan mereka tidak akan diterima.

## BAB 9

### PERUNTUKAN AM

- Rujukan muktamad.
- Pemberhentian pemakaian.
100. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan.
- (2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan apa-apa perkara dengan jelas, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak.
101. Dengan berkuatkuasa Enakmen ini Akta Keterangan 1950 terhenti dari terpakai di dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah.